



Ruj. Kami: JAKIM (S)/(3.00)/379/27 Jld. 26

Tarikh: 5 Disember 2007

25 Zulkaedah 1428

Encik Rakes Junaidi bin Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif
Innolux Sdn. Bhd.
No. 7, Jalan 1 Kedai PLB
Selayang Pandang
68100 Batu Caves
Selangor.

Assalamualaikum wr.wbt.,

Tuan,

PENGIKTIRAFAN DAN SOKONGAN SET TAYAMMUM

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita saya diarah memaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Kajian Syariah kali ke-60 pada 3-5 September 2007 yang lalu telah mengambil maklum akan permohonan daripada syarikat Tuan untuk mendapatkan pengesahan produk debu tanah tayammum bagi kegunaan para pesakit dan masyarakat awam dan mesyuarat mengambil keputusan seperti berikut:

"Penggunaan debu tayammum keluaran Syarikat Innolux Sdn. Bhd. adalah harus dengan syarat kain pelapik debu tersebut dibuka dan kaedah tayammum dilaksanakan dengan menepuk terus ke atas debu tersebut tanpa berlapik dengan kain".

3. Sehubungan itu berdasarkan keputusan di atas, Ahli Panel turut mencadangkan supaya pihak Tuan dapat menyediakan panduan penggunaan debu tayammum tersebut pada kotak pembalut agar para pengguna dapat melaksanakan kaedah tayammum dengan betul bertepatan dengan kehendak syarak.

Atas perhatian dan kerjasama Tuan, Jabatan ini merakamkan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJ RAZAQ BIN SHAHABUDDIN

Pengarah

Bahagian Penyelidikan

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)